

19/05/1997

Pelabur BSKL dijangka kembali aktif minggu ini

Kadir Dikoh

PASARAN saham tempatan dijangka pulih minggu ini apabila pelabur kembali menyertai pasaran berikutan keyakinan baru timbul termasuk ulangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memberi kuasa penuh kepada timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim mentadbir negara ketika cutinya dua bulan.

Menurut penganalisis pasaran, kejatuhan mendadak indeks komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) yang menjunam untuk mencatat tahap paling rendah dalam tempoh 16 bulan Khamis lalu, turut dikaitkan dengan percutian Perdana Menteri itu meskipun tumpuan utama kebimbangan berkisar kepada krisis kewangan di Thailand.

"Beberapa petunjuk positif termasuk pengumuman perangkaan dagangan dan Indeks Harga Pengguna yang memberansangkan serta penafian Bank Negara Malaysia mengenai arahan menghentikan penjualan serta merta terhadap pembelian hadapan (Swaps) yang disamakan dengan strategi bank pusat Thailand, dijangka menarik dana asing yang mulai memasuki pasaran Jumaat lalu," katanya.

Seorang lagi penganalisis melahirkan keyakinan bahawa pasaran akan disokong oleh prestasi teguh ringgit minggu ini dan ringgit yang teguh akan mengembalikan keyakinan pelabur asing.

Ringgit ditutup pada 2.4880/00 berbanding dolar AS kelmarin setelah dibuka hampir 100 mata lebih kukuh kepada 2.4745/65 pada pagi itu.

Kelmarin, Dr Mahathir ketika mengulas reaksi negatif di BSKL itu berkata keputusannya untuk bercuti tidak harus dijadikan alasan oleh pelabur menarik dana di pasaran dan menyebabkan pasaran panik.

Indeks Komposit ditutup pada 1,041.91 kelmarin, tetapi penganalisis meramalkan ia akan bergerak dalam jarak lebih luas di antara paras 1,000 dan 1,080 mata minggu ini.

Seorang pengurus penyelidik sebuah firma sekuriti pula berkata, pelabur terutama pengurus dana asing akan kembali ke pasaran minggu ini setelah menarik diri Khamis lalu kerana memikirkan kelemahan Baht akan berjangkit ke negara ini.

Ketua Eksekutif Rating Agency Malaysia Bhd (RAM), Datuk Rajandram a/l Chellappah, ketika diminta mengulas pula berkata kebimbangan masalah di Thailand untuk merebak ke sini sehingga menjejaskan pasaran saham di BSKL Khamis lalu adalah "reaksi berlebihan yang biasa".

"Semuanya menjadi panik termasuk pelabur institusi dan mahu keluar secepat mungkin daripada pasaran. Bagaimanapun, sebagai perbandingan, kejatuhan saham di Thailand dan di Malaysia mempunyai sebab berbeza.

"Thailand dilanda pasaran hartanah yang merebak kepada krisis kewangan dan ada penurunan dalam eksport selain berdasarkan hakikat bahawa pasaran merosot untuk sekian lama," katanya.

Sebaliknya, Malaysia, kata beliau sudah mengambil langkah awalan apabila Bank Negara menghadkan pinjaman bagi sektor hartanah dan pembiayaan pembelian saham, sebagai tambahan kepada langkah pada 1996 yang termasuk menghadkan hutang sekuriti swasta.

(END)